

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)59

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

59. Sungai Kecil di Kampung Bagan Tambang, Telok Air Tawar yang dibiarkan semak dan tidak diselenggarakan telah mengakibatkan banjir di kawasan kampung tersebut.
- (a) Apakah langkah-langkah dari jabatan yang berkaitan untuk menyelesaikan masalah ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

59. Sungai Kecil yang dimaksudkan adalah merupakan sistem saluran dalaman di Kampung Bagan Tambang, Telok Air Tawar yang mengalir keluar ke Sungai Abdul. Sistem saluran di kampung ini adalah berada di atas lot tanah persendirian. Justeru, kerja penyelenggaraan tidak dapat dilaksanakan di kawasan ini.
- (a) Bagi membolehkan kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan di kawasan tersebut, kerjasama dari Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU) adalah diperlukan untuk mendapatkan izin lalu ke atas lot tersebut. Alternatif lain

untuk menyelesaikan masalah ini adalah melalui pengambilan balik tanah di kawasan tersebut untuk dijadikan rizab sungai. Walau bagaimanapun, proses ini memakan masa yang panjang dan memerlukan peruntukan yang besar.